

D864

U B129 AAB
MAHATHIR - PERJUMPAAN

KUALA LUMPUR, 17 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN KETUA-KETUA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI BESAR UNTUK MEMBINCANGKAN PERSIAPAN PILIHAN RAYA UMUM DI NEGERI MASING-MASING.

PERDANA MENTERI HARI INI BERKATA PERJUMPAAN ITU AKAN DIADAKAN PADA +BILA-BILA MASA DARI SEKARANG.+

+HARI INI PUN KAMI BOLEH BERJUMPA ATAU MUNGKIN ESOK, DI PEJABAT SAYA ATAU DI TEMPAT LAIN+, KATANYA SEMASA DITANYA PEMBERITA MENGENAI PERTEMUAN ITU SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERSEKUTUAN PERSATUAN HOKKIEN MALAYSIA DI SINI.

BELIAU BERKATA, PERTEMUAN ITU ANTARA LAIN AKAN MENINJAU KEDUDUKAN KEKUATAN BARISAN NASIONAL DI SETIAP NEGERI MENGIKUT ANALISIS BN NEGERI.

BAGAIMANAPUN KATANYA, INI TIDAK BERMAKNA BN HANYA BERGANTUNG KEPADA LAPORAN MENERUSI PERJUMPAAN ITU SAHAJA UNTUK MEMBUAT ANALISIS TENTANG KEDUDUKAN PARTI KESELURUHAN.

+KITA JUGA MEMPUNYAI MAKLUMAT LAIN YANG DITERIMA DARIPADA PELBAGAI SUMBER,+ KATANYA. -- LAGI.
1258MST 17 09 90

U B130 AAB
MAHATHIR - PERJUMPAAN 2 KUALA LUMPUR

SEMASA DITANYA SAMA ADA PERJUMPAAN ITU MERUPAKAN YANG TERAKHIR SEBELUM PILIHAN RAYA, PERDANA MENTERI SECARA BERGURAU BERKATA: +MANA BOLEH YANG TERAKHIR... JUMPA SEKALI MANA CUKUP, KALAU BOLEH KITA MAHU JUMPA SELALU...+

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BN BERKATA BELIAU TELAH MENERIMA BEBERAPA SENARAI CALON YANG DIKEMUKAKAN OLEH PARTI TERTENTU TETAPI ADA JUGA PARTI YANG BELUM MENGEMUKAKAN SENARAINYA.

KATANYA, BN MASIH BELUM MERANGKA MANIFESTONYA UNTUK PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

+KALAU ADA PUN NANTI IA HANYA SATU SAHAJA, TIDAK SEPerti SESETEGAS PARTI YANG MEMPUNYAI MANIFESTO BERBEZA UNTUK KUMPULAN YANG BERLAINAN+.

ADA PARTI, KATANYA, MEMPUNYAI MANIFESTO KHAS BAGI KAUM CINA YANG BERBEZA DENGAN MANIFESTONYA UNTUK KUMPULAN LAIN, MISALNYA ORANG DI TERENGGANU.

KETIKA MENGULAS MENGENAI LAWATANNYA KE SABAH, PERDANA MENTERI BERKATA PROGRAM LAWATANNYA SEDANG DIURUS. -- LAGI.

1307MST 17 09 90

U B131 AAB
MAHATHIR - PERJUMPAAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGULAS MENGENAI BEBAN YANG DITANGGUNG KERAJAAN DENGAN PEMBERHENTIAN SEMENTARA KUTIPAN TOL DI JALAN CHERAS.

+KERAJAAN KINI TERPAKSA MEMBAYAR KEPADA SYARIKAT K G TERATAI SDN BHD SEBANYAK \$100,000 SEHARI DAN UNTUK MENGELAKKAN BEBAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH, KERAJAAN BERHARAP MASALAH INI DAPAT DISELESAIKAN SEGERA,+ KATANYA.

KAJIAN MENGENAI PERKARA ITU SEDANG DIJALANKAN OLEH KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENOLAK CADANGAN SUPAYA MEREKA YANG TELAH MEMBAYAR TOL SEBELUM INI, DIKEMBALIKAN WANG MASING-MASING.

+ITU SUDAH MELAMPAU, SEPERTI KATA ORANG BERI BETIS HENDAKKAN PAHA. SEPATUTNYA MEREKA YANG MEMBANTAH DENGAN MEMBALING BATU ITU YANG HARUS MEMBAYARNYA SEMULA,+ KATANYA.

SEMASA DITANYA KENAPA KUTIPAN TOL DIBUAT TANPA MEMBERI NOTIS YANG SECUKUPNYA KEPADA PENGGUNA, SEPERTI YANG DIDAKWA OLEH SESETENGAH PIHAK, BELIAU BERKATA ORANG RAMAI TELAH MENGETAHUI SEJAK AWAL-AWAL LAGI MENGENAI KUTIPAN ITU TETAPI MALANGNYA MEREKA MEMBUAT BANTAHAN SELEPAS PELAKSANAAN DIMULAKAN.

BELIAU MENGINGATKAN SEKALI LAGI AKAN PENTINGNYA RUNDINGAN SECARA BAIK DIBUAT UNTUK MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH.

INI KERANA KERAJAAN TIDAK PERNAH BERSIKAP MENGGUNAKAN KEKERASAN SEPERTI MENGHANTAR KERETA KEBAL UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH DENGAN RAKYAT, KATANYA.

-- BERNAMA.

1309MST 17 09 90